

Kompetensi Kesungguhan Dan Nilai Kaunselor Dalam Mengendali Kaunseling Gay Dan Lesbian

(Counsellor's Diligence And Value Competencies In Managing Gay And Lesbian Counselling)

Siti Hajar Jamal¹,
Nasrudin Subhi*²
& Salleh Amat¹

¹*Pusat Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.*

²*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Corresponding e-mail: [nas2572@ukm.edu.my]

Counsellor's competency is very important in ensuring the professionalism of a counsellor. This paper examines aspects of the diligence and value as components in counsellor's competency dealing with gay and lesbian clients. Qualitative approach was used in this research through case studies. Data collection was conducted using semi-structured in-depth interview. The study involved 15 participants. Data obtained was analyzed using thematic analysis based on the objective. N'Vivo 11 software was used in assisting the analysis process. Based on the findings, two themes emerged: (i) diligence and (ii) value. For the theme diligence, three sub-themes emerged which are (i) experience, (ii) interest and (iii) understanding the client's problem, while for value two sub-themes were identified: (i) value of religion and (ii) value of humanity. The study found that elements of diligence and value are vital components to improve the competency of counsellors handling gays and lesbians clients. This research may increase knowledge and awareness among counsellors who wishes to extend their services to gay and lesbian clients. In addition, the finding from this research is also hoped to provide counsellor educators with the guideline in enhancing competency among future counsellors who wishes to focus on gay and lesbian clients.

Keywords: competency, diligence, value, counsellor, gay, lesbian

Model kompetensi kaunselor merangkumi aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran berfungsi untuk membantu kaunselor mengendalikan sesi kaunseling dalam pelbagai seting dan budaya (Arredondo et al., 1996; Dini Farhana, 2016; Kelly, 2009; Sadowsky et al., 1994). Model-model kompetensi silang budaya menyediakan asas untuk kompetensi kaunselor terhadap klien gay dan lesbian (Fassinger & Sperber, 1997). Walaupun beberapa kandungan

tertentu mungkin berbeza kerana perbezaan unik antara orientasi seksual dan etnik namun aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran yang diperlukan untuk membentuk kompetensi kaunseling mempunyai banyak persamaan. Hardianaema et al. (2010) dan Sue et al. (1992) telah menegaskan beberapa perkara dalam silang budaya iaitu kaunselor perlu mahir dalam proses mengenal pasti tingkah laku manusia, nilai-nilai, tidak bias dan

berhati-hati dalam membuat persepsi terhadap klien.

Justeru, menurut Israel dan Selvidge (2003), kompetensi kaunseling gay dan lesbian ini telah diadaptasi melalui kecekapan silang budaya. Kompetensi silang budaya ini telah disesuaikan untuk membangunkan kompetensi yang khusus untuk golongan gay dan lesbian dari segi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran (Barret & Logan, 2002; Israel et al., 2003; Kocarek & Pelling, 2003). Kaunseling silang budaya menekankan identiti budaya dalam demografi klien seperti agama, jantina, kebolehan fizikal, status sosioekonomi dan orientasi seksual selain etnografi seperti identiti kaum atau etnik (Leyva et al., 2014). Oleh demikian, satu takrifan yang lebih luas berkenaan kaunseling pelbagai budaya kini disokong dengan perhatian diberikan kepada keperluan unik setiap kumpulan dalam masyarakat terutama kepada golongan minoriti seperti gay dan lesbian.

Siti Hajar (2020) bagaimanapun telah menjelaskan bahawa elemen kesungguhan dan nilai merupakan nilai tambah bagi meningkatkan kompetensi kaunselor dalam mengendali kaunseling gay dan lesbian. Aspek kesungguhan ini merangkumi minat yang mendalam dalam diri kaunselor untuk membantu klien mendapat kesejahteraan yang lebih baik dari segi rohani, emosi dan psikologi. Penjelasan ini juga telah disokong oleh Welfel (2010) yang menyatakan bahawa kesungguhan ini membawa maksud kesanggupan seseorang bekerja dalam membantu klien yang bermasalah. Selain itu, seorang kaunselor perlu rajin mencari maklumat berkaitan latar belakang diri klien dan berupaya mendiagnosis masalah klien serta memberi rawatan yang terbaik kepada klien (Welfel, 2010). Manakala aspek nilai pula dilihat sebagai satu nilai tambah dalam kompetensi kaunselor supaya kaunseling gay dan lesbian dapat diperkukuhkan dalam amalan profesional kaunseling serta boleh menjadi rujukan kepada kaunselor dan pengkaji-pengkaji akan datang.

Namun demikian, tiada kajian lepas yang membincangkan aspek nilai ini secara khusus dan mendalam berkaitan kompetensi kaunseling gay dan lesbian terutama dalam perspektif tempatan. Oleh itu, pengkaji telah menyuntik elemen ini ke dalam mengkaji kompetensi kaunselor supaya boleh menjadi rujukan kepada kaunselor dan pengkaji-pengkaji akan datang.

Penerapan nilai-nilai dalam kaunseling sering timbul sewaktu sesi kaunseling dijalankan. Perkara ini berlaku kerana sebagai seorang manusia, kaunselor tidak terlepas daripada mempunyai dan mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan yang membentuk sistem kepercayaan atau pegangan hidup mereka sendiri. Oleh itu, persoalan yang sering timbul ialah adakah kemungkinan nilai-nilai yang diamalkan oleh kaunselor ini, mempunyai kesan terhadap klien atau mungkinkah nilai-nilai klien itu sendiri boleh memberi kesan ke atas kaunselor? Paling penting sekali konflik yang mungkin timbul jika klien dan kaunselor mempunyai dan mengamalkan nilai-nilai yang berbeza rentetan tidak menjumpai titik persamaan yang boleh dijadikan sandaran bagi proses kaunseling. Faktor-faktor inilah yang harus dipertimbangkan oleh kaunselor sewaktu sesi kaunseling kerana jika perkara ini tidak dapat ditangani dengan baik oleh kaunselor, ianya boleh menjejaskan proses kaunseling (Sapora, 2008).

Sehubungan dengan itu, kaunselor perlu memainkan peranan yang penting dalam isu-isu seksualiti kerana nilai dan sikap sering menyebabkan kaunselor berada dalam keadaan serba salah atau kurang selesa. Terutama sekali jika ianya melibatkan isu gay atau lesbian kerana ianya menyentuh nilai peribadi dan pegangan keagamaan seseorang kaunselor. Oleh yang demikian, sesi bersama golongan ini sering memberi cabaran kepada kaunselor yang masih memegang kuat nilai-nilai tradisional. Kaunselor yang memberi reaksi negatif

terhadap golongan ini sebenarnya telah memberikan nilai peribadi mereka yang sebenar (Walker & Prince, 2010).

Justeru, isu kaunseling gay dan lesbian masih jarang-jarang dibincangkan di Malaysia secara ilmiah dan terbuka kerana isu ini merupakan isu terpencil dalam kaunseling profesional (Nasrudin et al. 2014). Walaupun isu ini mungkin boleh dianggap terpencil namun ia perlu diberi perhatian serius agar golongan gay dan lesbian ini tidak terpinggir. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mendalami dan meneroka aspek kompetensi kesungguhan dan nilai kaunselor dalam pengendalian kaunseling gay dan lesbian dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam kepada kaunselor.

Metod Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes digunakan untuk meneroka dengan lebih mendalam berkaitan kompetensi kaunselor dalam pengendalian kaunseling kes gay dan lesbian (Yin, 2014). Pemilihan peserta kajian dalam kajian ini melibatkan kaedah persampelan bertujuan terhadap kaunselor berdaftar yang berpengalaman mengendalikan sesi kaunseling klien gay dan lesbian. Persampelan bertujuan membantu pengkaji memahami isu yang dikaji dengan lebih baik (Norizan, 2016; Patton, 2002). Seramai 15 orang peserta kajian telah dipilih untuk menyertai kajian ini secara sukarela. Jumlah peserta kajian ini mencukupi untuk mendapatkan data yang kaya bagi kajian kualitatif (Creswell, 2012; Yin, 2015). Pengkaji membuat pemilihan peserta kajian berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam konteks kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan sebagai asas seterusnya menggunakan teknik bebola salji. Bebola salji ini bermaksud peserta kajian yang telah selesai ditemu bual menyarankan rakan lain yang dirasakan

sesuai untuk terlibat dalam kajian ini. Hanya peserta kajian yang berpengalaman menjalankan kaunseling gay dan lesbian serta memiliki kriteria persampelan yang diperlukan dipilih untuk ditemu bual oleh pengkaji (Creswell, 2012): (i) kaunselor yang mempunyai latihan sekurang-kurangnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kaunseling, (ii) kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (Kaunselor Berdaftar) dan mempunyai sijil perakuan amalan, (iii) berkhidmat sebagai kaunselor lebih daripada tiga tahun, (iv) kaunselor yang berpengalaman mengendalikan sesi kaunseling dengan klien gay dan lesbian serta (v) kaunselor secara sukarela berminat untuk melibatkan diri dalam kajian.

Bagi prosedur menganalisis data kajian, pengkaji telah memilih pendekatan tiga peringkat penganalisaan data oleh Miles & Huberman (2014) iaitu peringkat penapisan, persembahan dan peringkat membuat kesimpulan serta pengesahan data. Seterusnya, analisis kajian yang digunakan ialah dengan menggunakan *verbatim* yang telah ditranskrip daripada temu bual yang telah dijalankan (Miles & Hiberman 2014). Program Nvivo 11 telah digunakan dalam membantu proses analisis data dalam penghasilan tema-tema utama.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian dibincangkan berdasarkan dua elemen kompetensi iaitu kesungguhan dan nilai kaunselor. Kesungguhan ini membawa maksud kesanggupan seseorang bekerja keras dalam membantu klien yang bermasalah. Seorang kaunselor perlu rajin mencari maklumat berkaitan latar belakang diri klien dan berusaha untuk membantu klien mengenal pasti permasalahan yang dihadapi serta membantu mencari alternatif kepada jalan penyelesaian. Kaunselor juga turut berusaha mencari latihan tambahan serta membuat penelitian

terhadap penyelidikan dalam aspek berkaitan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada. Berdasarkan dapatan kajian, tema kesungguhan kaunselor merangkumi tiga sub tema iaitu; (i) pengalaman, (ii) minat dan (iii) memahami klien.

Elemen pengalaman merupakan faktor penting di bawah tema kesungguhan mengendalikan kes gay dan lesbian. Semakin banyak kaunselor menerima kes, semakin bertambah pengalaman yang merangkumi pengetahuan dan kemahiran baharu khususnya menerusi interaksi langsung bersama klien. Seramai sepuluh orang peserta kajian (67%) menekankan mengenai kepentingan pengalaman seorang kaunselor untuk berhadapan dengan klien gay dan lesbian. Semakin banyak pendedahan berkaitan dengan kes gay dan lesbian maka seseorang kaunselor akan lebih bersedia untuk berhadapan dengan mereka. Sebagai contoh, PK11 menyatakan, "...pengalaman seseorang kaunselor juga penting bagi mengendalikan isu ini, semakin banyak pendedahan diri kita berkaitan dengan kes-kes gay dan lesbian."

Dapatan kajian PK11 diperkukuhkan lagi dengan kajian temu bual mendalam daripada PK14. Beliau turut mengatakan semakin banyak beliau menerima kes gay dan lesbian maka semakin banyak kemahiran baharu yang beliau peroleh kerana setiap pengalaman itu unik dan berbeza-berbeza mengikut karektor klien. Pengalaman ini dilihat sebagai sesuatu yang sangat berharga justeru beliau menyatakan tidak pernah menolak kes-kes gay dan lesbian. Ini menunjukkan beliau seorang yang cenderung berminat untuk mengendalikan kes-kes gay dan lesbian:

Lagi banyak kita mengendalikan kes LGBT, jadinya lagi banyaklah kaunselor itu mempunyai ilmu berkaitan dengan isu ini. Sebab setiap klien yang datang saya akan mendapat

ilmu baharu dari mereka. Itu penting, kes very important sebab itu isu berkaitan dengan LGBT ini saya tidak pernah menolak sebab ia cukup mahal kepada saya sebab saya perlukan mereka untuk menajamkan lagi skill saya.

Hal ini turut disokong oleh PK1 yang mengatakan pengalaman semasa tahun 2007 mengendalikan kes gay dengan pengalaman kendalikan kes semasa tahun 2017 sangat berbeza dari segi kemahiran dan pengetahuan. Semasa tahun 2007 beliau pernah mengendalikan kes gay tetapi sesi kaunseling tidak dapat dijalankan dengan baik kerana limitasi pengalaman dan kemahiran. Dalam tempoh 10 tahun beliau telah berusaha untuk menambah pengetahuan serta kemahirannya. Ia membuahkan hasil apabila beliau berjaya mengendalikan kes yang melibatkan klien gay selepas tempoh tersebut di mana klien mengalami perubahan positif rentetan celik akal yang diperolehnya:

Saya rasa pengalaman amat penting, macam saya mention dalam interview yang lepas. Saya baru mula bekerja dan terima klien gay, masa itu saya merasakan saya kurang dari segi kemahiran dan pengetahuan dalam isu ini. Selepas saya tidak berjaya dalam sesi kaunseling tersebut saya terus meningkatkan kemahiran saya dalam bidang ini. Saya nampak perbezaannya masa tahun 2007 pada ketika itu saya dapat kes yang pertama dan berbeza dengan saya terima kes pada tahun 2017 pada sebulan yang lepas. Perbezaan itu saya dapat rasakan dengan kemahiran dan pengetahuan yang saya ada membuatkan saya lebih tenang dan terbuka menerima klien ini berbanding semasa saya mula-mula kerja

dulu. Jadi mungkin selama 10 tahun ini, learning process ia sedikit sebanyak membantu saya untuk lebih sedia untuk berhadapan dengan kes.

Justeru, berdasarkan dapatan kajian, pengalaman mengendalikan sesi kaunseling dengan klien gay dan lesbian menjadikan kaunselor mempunyai sikap yang lebih positif untuk menerima mereka (Kanamori & Cornelius, 2017). Pengalaman membawa maksud kekerapan kaunselor menerima kes berkaitan gay dan lesbian yang membuatkan mereka lebih yakin untuk membantu klien. Pengalaman kaunselor yang profesional dalam mengendalikan sesi kaunseling memberi manfaat kepada pembangunan kompetensi kaunseling bersama klien gay dan lesbian. Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Graham (2009) dan Farmer (2011) yang menyatakan bahawa pengalaman kaunselor dalam mengendalikan sesi kaunseling dengan klien gay dan lesbian dapat meningkatkan kompetensi kaunselor.

Sub tema kedua adalah minat. Sebanyak lapan peserta kajian (53%), mengatakan minat adalah satu perkara yang perlu dipupuk dalam diri kaunselor dalam usaha memahami dunia gay dan lesbian. Minat ini boleh didefinisikan sebagai sesuatu kecenderungan atau keinginan yang menarik perhatian seseorang. Sub tema 'minat' ditimbulkan dalam kajian kerana peserta kajian merasakan mengendalikan kes gay dan lesbian ini bukan sahaja sebagai salah satu tanggungjawab peserta kajian tetapi ia sebagai satu amanah untuk membimbing golongan ini mendapat sokongan dari segi emosi dan psikologi. Perasaan minat ini juga timbul disebabkan kaunselor telah menerima beberapa kes gay dan lesbian. Walau bagaimanapun kes-kes sebegini agak terhad kerana tidak ramai yang mendedahkan identiti mereka apabila berjumpa dengan kaunselor:

Kompetensi yang perlu ada kalau kaunselor itu berminat dan

mahir dalam mengendalikan isu ini. Macam saya sendiri berminat untuk mengendalikan kes seperti ini tetapi itulah mereka ini sukar untuk berjumpa dengan kaunselor mungkin diorang [dia orang] ada perspektif yang negatif terhadap penerimaan kaunselor dan kes-kes ini agak terpencil di sini.

Bagi PK1 pula, minatnya untuk mendalami kes berkaitan gay disebabkan beliau pernah mengendalikan kes ini tetapi berhenti di pertengahan jalan disebabkan faktor limitasi kepakaran. Perkara ini berlaku semasa beliau masih baharu dalam perkhidmatan kaunseling. Bertitik tolak terhadap rasa kegagalan ini beliau telah berusaha untuk memupuk minat mendalami isu berkaitan gay sewaktu melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana:

...tiga sesi sahaja, sebab pada peringkat awal dari sudut knowledge dan kepakaran saya terbatas pada ketika itu, akhirnya klien itu sendiri yang menyatakan sesi ini tidak perlu diteruskan dan dia rasa selesa sebagai seorang gay. Kemudian selepas saya mula-mula dapat kes gay ini, mula timbul minat untuk meneroka, as a kaunselor merasakan ada kekurangan maka mendesak untuk meneroka keperluan gay. Pada awal tahun 2007 saya buat master, saya memang pakar mengenai gay, tesis saya lebih kepada gay.

Dapatan kajian menunjukkan minat mempengaruhi peserta kajian untuk menjalankan sesi dengan baik. Bagi PK3 untuk berhadapan dengan kes-kes gay dan lesbian ini mestilah mempunyai minat yang tinggi untuk mendengar permasalahan klien. PK3 juga berminat dalam bidang kepakaran yang melibatkan golongan LGBT. Tambahan di universiti tempat beliau

berkhidmat juga menyarankan agar setiap pensyarah ada bidang tujuhan kepakaran masing-masing yang berbeza antara satu sama lain seperti kaunseling perkahwinan dan keluarga:

Setakat LGBT ni memang saya berminat sebenarnya sebab dalam apa ni... among kaunselor [universiti saya] pun kita digalakkan untuk ada kepakaran. Kepakaran ni untuk bidang kaunseling kan contohnya family counselling, perkahwinan... so saya sebenarnya memang berminat dengan LGBT.

Sub tema ketiga ialah memahami masalah klien. Dalam usaha untuk mendapat kepercayaan klien, peserta kajian perlulah memahami budaya dan masalah yang klien hadapi. Memahami budaya mereka ini bukanlah bermaksud menerima segala perbuatan yang dilakukan oleh klien namun ia lebih kepada sifat hormat kepada diri dan identiti yang klien bawa. Setelah memperoleh kepercayaan klien proses penerokaan permasalahan yang dihadapi akan menjadi lebih mudah. Klien akan rasa dihargai dan selesa kerana peserta kajian mempamerkan kesediaan untuk membantu klien tanpa meletakkan bias dalam sesi kaunseling. Apabila berjaya meneroka dan memahami masalah klien, peserta kajian akan dapat membantu klien untuk menyelesaikan masalah. Selepas itu barulah peserta kajian dapat merancang strategi dan pendekatan tertentu untuk membantu klien seperti yang dinyatakan oleh PK1:

Pengetahuan ini kaunselor lebih kepada meneroka masalah klien itu dan memahami isu gay dan lesbian ini dengan lebih mendalam. Perkara ini sangat penting kerana kaunselor perlulah bersungguh dalam membantu klien. Sebab kalau kita tak faham klien macam mana kita handle sesi dengan

dia. Selepas kita menguasai kemahiran, kaunselor barulah ada strategi or pendekatan untuk bantu klien.

Hal yang sama turut disuarakan oleh PK2 yang menyatakan peserta kajian perlu memahami apa yang dirasai oleh klien. Oleh itu, pada awal sesi peserta kajian akan melayan dan mendengar masalah klien ke arah cuba untuk memahami budaya dan perasaan yang klien hadapi:

Saya pula tengok jenis klien itu datang disebabkan masalah apa, evaluate dulu klien. Pada sesi pertama dan kedua kita layan dulu perasaan klien, kita boleh memahami nature dia bagaimana.

Tema berikutnya yang timbul dalam kajian ini ialah nilai kaunselor. Penerapan nilai-nilai dalam kaunseling sering timbul sewaktu sesi kaunseling dijalankan. Perkara ini berlaku kerana sebagai seorang manusia, kaunselor tidak terlepas daripada mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan yang membentuk sistem kepercayaan atau pegangan hidup mereka sendiri. Oleh itu, berdasarkan kenyataan peserta kajian telah menekankan dua sub tema dalam nilai yang telah timbul menerusi kajian ialah nilai agama dan nilai kemanusiaan. Kedua-dua nilai ini dilihat signifikan yang perlu ada pada kaunselor untuk berhadapan dengan kes gay dan lesbian.

Sub tema utama bila berhadapan dengan kes gay dan lesbian adalah nilai agama yang dipegang oleh kaunselor terutama kaunselor yang beragama Islam. Hasil temu bual mendapati 14 orang peserta kajian (93%) memisahkan nilai yang mereka pegang dengan nilai yang klien pegang terutama pada permulaan sesi. Hal ini kerana identiti dan gaya hidup gay dan lesbian ini bercanggah dengan agama dan budaya dalam masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun sebagai seorang kaunselor

yang kompeten, perlu sentiasa bersedia dan terbuka untuk menerima pelbagai jenis kes yang hadir dalam sesi mereka. Tanggungjawab seorang kaunselor adalah untuk menerima klien tanpa syarat. Justeru, apabila menerima klien gay dan lesbian perlu memasang niat untuk membantu klien dari dibelenggu masalah yang dihadapinya. Sebagai contoh hal ini dinyatakan oleh PK1:

Sesi kaunseling yang pertama kita perlu elakkan masukkan nilai kita dalam diri klien. Contoh nilai yang kita pegang adalah berpegang kepada agama maksudnya isu gay dan lesbian ini adalah satu yang haram, itu nilai kita. Nilai klien, value dia lain dengan kita, sebab itu saya beritahu kita tidak boleh ada nilai kita dalam hidup klien itu, kita perlu separate perkara itu supaya tidak menjejaskan sesi kaunseling.

Menurut PK6, jika kaunselor meletakkan nilai agama dalam sesi dengan mengatakan apa yang mereka lakukan ini salah. Kaunselor telah melabel atau menghukum mereka terhadap nilai yang klien pegang sebelum mereka diberi peluang menjelaskan situasi daripada perspektif mereka. Jika perkara ini berlaku kaunselor tidak boleh menjalankan sesi dengan baik kerana tidak wujud kesefahaman antara kaunselor dan klien sejak dari awal sesi:

Kaunselor perlu meletakkan nilai dia di tepi, bila kita meletakkan nilai kita di depan, dia akan berlaku konflik iaitu nilai yang kita ada dengan nilai gay atau lesbian tadi. Apa itu konflik, maksudnya kita beritahu gay itu salah sebab agama kata salah tetapi bagi gay pula itu adalah naluri mereka. So kalau kita meletakkan nilai kita di depan, so kita tidak dapat

mengendalikan isu dengan baik kerana kita sentiasa ada judgmental terhadap nilai yang dipegang oleh klien tersebut.

Berbeza pula bagi PK5, walaupun pada dasarnya beliau mengakui bahawa sebagai seorang kaunselor tidak harus meletakkan nilai diri pada kliennya namun pada hemat beliau perkara ini adalah suatu yang sukar untuk dilakukan. Pada pendapat beliau nilai ini akan tetap disalurkan secara tidak langsung tanpa sebarang paksaan terhadap klien dan terpulang kepada klien untuk menerimanya atau tidak:

Kalau dari segi nilai secara peribadi dalam ilmu pengetahuan yang diajar tidak seharusnya meletakkan nilai kepada klien. Namun secara peribadi amat mustahil seorang kaunselor tidak mengalirkan nilainya kepada klien cuma nilai itu bukan paksaan kepada klien untuk menerima. Bagi saya perpindahan nilai itu berlaku walaupun ada pihak mengatakan tidak boleh letak nilai, tetapi sebenarnya dia [kaunselor] juga memberi nilai juga sebenarnya kepada klien tetapi nilai itu tidak dalam bentuk paksaan kepada klien untuk menerimanya.

Menurut PK5 juga, beliau menerima nilai klien ini bukan membawa maksud menerima atau menghalalkan perbuatan klien. PK5 menerima klien sebagai manusia biasa seperti klien lain kerana mereka datang kepadanya kerana mereka memerlukan bantuan dan rawatan melalui perkhidmatan kaunseling untuk membantu diri klien menyelesaikan masalah yang dihadapi:

Kita juga kena belajar untuk menerima klien seadanya dengan diri mereka, penerimaan itu bererti bukannya kita bersetuju dengan perbuatan

mereka, bukannya kita bersetuju dengan amalan yang dia lakukan tetapi kita menerima dia sebagai seorang individu yang hadir untuk berkongsi dan mungkin memerlukan pertolongan dari kaunselor untuk membantu dia menghadapi isu yang diperlukan.

Berdasarkan dapatan kajian, aspek kerohanian dan nilai agama memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia (Nor Ba'ayah, 2018; Mazidah et al., 2014). Penerokaan tentang kerohanian dan keagamaan dapat membantu klien mencari penyelesaian dalam permasalahan hidup mereka. Hal ini kerana, aspek kerohanian merupakan unsur penyembuh jiwa dan dapat memberi kekuatan dalam diri seseorang. Kerohanian dan nilai keagamaan dapat diintegrasikan bersama instrumen terapi yang lain untuk meningkatkan lagi keberkesanan proses kaunseling apatah lagi jika ia melibatkan sesuatu isu atau keputusan yang sangat kritikal dalam kehidupan klien (Balkin et al., 2009; Sapora, 2008).

Kajian juga mendapati, kaunselor tidak meletakkan nilai dalam sesi yang dijalankan walaupun nilai yang mereka pegang adalah berbeza. Dalam kajian mengenai kecekapan kaunselor gay dan lesbian, terdapat penyelidik yang telah mengenal pasti beberapa faktor negatif yang mempengaruhi kecekapan seperti keagamaan dan homonegativiti (Balkin et al., 2009; Barrett & McWhirter, 2002; Israel & Selvidge, 2003; Rainey & Trusty, 2007). Kaunselor perlu mempunyai batasan dalam penggunaan nilai kerohanian dan keagamaan dalam sesi dan mengetahui batasan dalam sesi (Israel et al., 2003). Jika tersekat dalam mengendalikan sesi, kaunselor boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada kaunselor lain yang pakar dalam isu ini (Israel et al., 2003)

Dalam masa yang sama, kita semua juga perlu sedar bahawa aspek kerohanian dan

nilai agama memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kebanyakan manusia (Farmer, 2011; Mazidah et al., 2014). Penerokaan tentang kerohanian dan keagamaan dapat membantu klien mencari penyelesaian di dalam perjuangan hidup mereka kerana ianya merupakan satu penyembuh jiwa serta dapat memberi kekuatan di dalam jiwa seseorang.

Sub tema kedua yang timbul dalam kajian ini ialah nilai kemanusiaan. Terdapat enam orang peserta kajian (40%) menekankan berkaitan nilai kemanusiaan dalam sesi kaunseling. Nilai kemanusiaan ini adalah nilai-nilai murni yang dipamerkan oleh kaunselor yang berlapang dada untuk membantu golongan gay dan lesbian. PK4 sentiasa memberi peluang dan ruang kepada klien untuk berubah dan sebagai kaunselor yang kompeten beliau perlu menerima tanpa syarat serta tidak menunjukkan sikap yang negatif kepada klien gay dan lesbian. Beliau mengatakan bahawa menghukum itu adalah peranan tuhan dan sebagai kaunselor perlu melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin ke arah menyokong perubahan yang ingin dikecapi oleh klien:

Pada saya kompetensi ini juga adalah bagaimana kaunselor membina hubungan nilai kemanusiaan dengan klien itu dan sebagai dosa dengan pahala bukan tugas kita [peserta kajian] itu adalah kerja tuhan. Kalau klien bertaubat dan berhijrah dengan sepenuh hati dan kita memberi kemudahan kepada dia untuk berubah, kita sebagai manusia perlu sentiasa memberi peluang dan ruang berbanding kita berpegang kepada prinsip orang macam ini perlu dihukum so sebagai kaunselor.

Bagi PK9 pula, setiap apa yang beliau lakukan ini bukanlah untuk diri sendiri tetapi untuk kebajikan klien. Beliau menganggap tugasnya kini dalam membantu klien gay

dan lesbian adalah sebagai saham akhirat. Beliau turut menyedari perubahan itu memerlukan masa dan ia berlaku sedikit demi sedikit:

Saya lakukan ini semua bukan sebab diri saya sendiri tetapi untuk mereka juga, ini juga untuk saham akhirat kita [peserta kajian] juga. Kalau dia berubah sedikit pun jadilah daripada dia buat maksiat dengan lelaki atau sama jantina, at least dia boleh kurangkan buat hubungan seksual itu, maksudnya kesedaran itu datang slow-slow dan tidak terlalu drastik.

Sifat mulia juga dilihat sebagai salah satu ciri nilai kemanusiaan. Menurut PK3, beliau menunjukkan nilai mulia kepada klien supaya klien mempercayai dirinya. Walaupun pada awal sesi, klien menyatakan tidak mempercayai peserta kajian kerana beranggapan diri peserta kajian seperti masyarakat lain yang selalu memandang negatif terhadap diri golongan gay dan lesbian namun beliau tetap tenang dan profesional sehinggalah mendapat kepercayaan klien:

Sebagai kaunselor perlu menunjukkan nilai yang positif kepada klien supaya klien mempercayai. So maksudnya kita kena tunjukkan satu lagi nilai yang paling saya ingat kaunselor ni dia kena ok. Maksudnya istilah apa... noble... mulia kan. So dia istilah mulia tu kita nak bantu orang lain, kita kena bantu diri kita dulu. Maksudnya kita tak boleh menunjukkan emosi walaupun orang lain cakap, "Alah... kaunselor manusia biasa kan, suka judge orang." Tapi kita kena ok kan diri kita dulu lah untuk sesi tu jadi kongruen. So takdelah kita terbawa-bawa dengan emosi,

kita termarah klien, so itu sangat penting.

Dapatan kajian turut menekankan nilai-nilai kemanusiaan dalam sesi kaunseling iaitu pemahaman berkaitan manusia. Pemahaman tentang manusia amat diperlukan dari sudut kaunseling. Hal ini kerana, kaunseling merupakan satu bidang yang berurusan secara langsung dengan manusia baik secara fizikal mahupun mental. Kaunseling juga merupakan satu bidang yang memberikan khidmat bantuan kepada individu untuk membuat penyesuaian dan keputusan yang berkesan bagi manfaat diri dan keperluan masa depan. Menerusi kaunseling juga seseorang klien berupaya untuk mengenal dirinya dengan lebih baik dan sempurna (Norazman, 2001).

Justeru, nilai agama dan nilai kemanusiaan sentiasa berkaitan rapat dalam kaunseling gay dan lesbian, kaunselor mestilah memainkan peranan yang penting supaya sesi kaunseling berjalan dengan lancar. Kaunselor perlu menghormati kepelbagaian klien termasuk klien gay dan lesbian. Kaunselor perlu menyedari tentang kepentingan nilai dalam kehidupan seseorang. Nilai ini merujuk kepada nilai-nilai sejagat dalam agama. Nilai-nilai yang boleh memberi pengertian terhadap kefahaman pelbagai budaya iaitu toleransi, kepercayaan, mengiktiraf, menghormati, menghargai, memahami, saling menerima, bantu-membantu dan keadilan sosial (Barrett & McWhirter, 2010; Sapora, 2008). Setiap anggota masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk mengamalkan nilai-nilai murni seperti tanggungjawab terhadap masyarakat, toleransi dalam masyarakat dan semangat bermasyarakat bagi mengekalkan keharmonian dalam masyarakat (Mohd Izwan et al., 2013). Tanggungjawab terhadap masyarakat ialah kesanggupan memikul serta melaksanakan tugas dan kewajipan dengan sempurna sebagai anggota masyarakat. Toleransi dalam masyarakat pula ialah kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi

mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup. Manakala semangat bermasyarakat ialah kesediaan melakukan sesuatu dengan semangat kekitaan untuk kepentingan bersama demi keharmonian hidup bermasyarakat. Peka terhadap isu-isu sosial iaitu prihatin terhadap masalah dan isu semasa yang berlaku dalam masyarakat.

Kesimpulan

Oleh itu, kompetensi kaunseling gay dan lesbian penting dan perlu diberikan penekanan dalam amalan kaunseling di Malaysia. Hal ini kerana, kaunselor perlu bersikap terbuka terhadap identiti klien. Penerimaan tanpa syarat yang ditekankan untuk golongan gay dan lesbian yang hadir menjalankan sesi kaunseling perlu diutamakan. Sehubungan dengan itu, pengkaji melihat aspek kesungguhan dan nilai ini penting dalam membentuk kompetensi kaunselor menjalankan kaunseling gay dan lesbian. Aspek kesungguhan ini merangkumi minat yang mendalam dalam diri kaunselor untuk membantu klien mendapat kesejahteraan yang lebih baik dari segi rohani, emosi dan psikologi. Apabila kaunselor mempunyai minat yang mendalam terhadap kes gay dan lesbian, kaunselor akan mempamerkan nilai dan sikap yang baik kepada klien tanpa unsur diskriminasi dan prejudis kepada klien. Bersandarkan minat juga kaunselor akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kompetensi diri dengan mendapatkan latihan berkaitan isu ini.

Implikasi kajian ini dapat meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan seseorang kaunselor khususnya dari aspek kompetensi yang perlu ada sekiranya mahu memberikan perkhidmatan kaunseling kepada golongan gay dan lesbian. Selain itu, dapatan kajian diharap dapat membantu pendidik di bidang kaunseling agar kaunselor yang dilatih lebih kompeten dalam mengendalikan isu gay dan lesbian

apabila mula melaksanakan sesi kaunseling kelak.

Rujukan

- Arredondo, P., Toporek, R., Brown, S.P., Jones, J., Locke, D. C., Sanchez, J., et al. (1996). The multicultural counseling competencies. *Journal of Multicultural and Development, 24*(12), 42-78.
- Barret, B., & Logan, C. (2002). *Counseling . gay men and lesbians: A practice . primer*. PacificGrove, CA: Brooks/Cole.
- Balkin, R. S., Schlosser, L. Z., & Levitt, D. H. (2009). Religious identity and cultural diversity: Exploring the relationships between religious identity, sexism, homophobia, and multicultural competence. *Journal of Counseling & Development, 87*(23), 420-427.
- Barrett, K. A., & McWhirter, B. T. (2002). Counselor trainees' perceptions of clients based on client sexual orientation. *Counselor Education & Supervision, 41*(12), 219-232.
- Creswell, J.W. (2012). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. 3rd. Ed. Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc.
- Dini, F. (2016). *Tesis of counseling . strategies based on multicultural community welfare in Malaysia*. Dr. Fal. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farmer, L.B. (2011). *Counselors' self-perceived competency with lesbian, gay, and bisexual clients*. Thesis Dr. Fal. Faculty of The Virginia

- Polytechnic Institute and State.
- Fassinger, R.E., & Sperber-Richie, B. (1997). Sex matters: Gender and sexual orientation, training for multicultural counseling competency. In D.B. Pope-Davis, & H. L. K. Coleman (Eds.). *Multicultural counseling competencies: Assessment, education, and training, and supervision*, 4 (9), 83-110.
- Graham, S. R. (2009). *Counseling competency with lesbian, gay and bisexual clients: Perceptions of counseling graduate students*. Tesis. Dr. Fal. Faculty of Auburn University.
- Hardianaema, R.H., Mahmud, Z. & Amat, S. (2010). Coercive competency training. Counseling convention work paper. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Israel, T., & Selvidge, M.D. (2003). Contributions of multicultural counseling to counselor competence with lesbian, gay, and bisexual clients. *Journal of Multicultural Counseling and Development*, 31, 84-98.
- Israel, T., Ketz, K., Detrie, P. M., Burke, M. C., & Shulman, J. L. (2003). Identifying counselor competencies for working with lesbian, gay, and bisexual clients. *Journal of Gay & Lesbian Psychotherapy*, 7(4), 3-21.
- Kanamori, Y. & Cornelius-White, J. H. D. (2017). Counselors' and counseling students' attitudes toward transgender persons. *Journal of LGBT issues in counseling*, 11(1), 36- 51.
- Kelly, U. A. (2009). *Migration and education in a multicultural world*. New York: Palgrave Macmillan.
- Kocarek, C., & Pelling, N. (2003). Beyond knowledge and awareness: Enhancing counselor skills for work with gay, lesbian, and bisexual clients. *Journal of Multicultural Counseling & Development*, 31(2), 99-112.
- Leyva, V. L., Breshears, E. M., & Ringstad, R. (2014). Assessing the efficacy of LGBT cultural competency training for aging services providers in California's central valley. *Journal of Gerontological Social Work*, 57(4), 335-348.
- Mazidah Mohd Dagang, Raja Zirwatul, Aida Raja Ibrahim & Azlina Abu Bakar. (2014). Counselors spritual competence in Malaysia. *Asian Social science*, 10(10), 182-187.
- Miles, M.B., Huberman, A.M. (2014). *Qualitative data analysis*. Beverly Hills, California: Sage.
- Mohd Izwan bin Md Yusof (2013). Persepsi Komuniti LGBT Muslim Terhadap Nasal- Quran. *Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia*, 6, 193-207.
- Nasrudin Subhi, Mohd Radzi Tarmizi A . Halim, Ezarina Zakaria, Salina Nen. (2014). Pengaruh Homofobia Dalaman terhadap Perkahwinan Lelaki Gay. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 28(2), 18-38.
- Norizan Binti Yusof. (2016). Pengurusan elemen psikologikal sebagai persediaan menghadapi bencana: Satu kajian kualitatif terhadap mangsa banjir di Kelantan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 74-81.

- Nor Ba'ayah Abdul Kadir, Diana Johan, Nur Saadah Mohamad Aun, Norhayati Ibrahim & Hilwa Abdullah @ Mohd. Nor. (2018). Kadar prevalens kemurungan dan cubaan bunuh diri dalam kalangan remaja di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4), 150-158.
- Norazman Amat. (2001). Pengurusan kecelaruan gender dari perspektif Islam. konvensyen perkama ke 10. *Prosiding Kaunseling Kecelaruan Gender*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Persatuan Kaunseling Malaysia.
- Patton, M.Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods*. 3rd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Rainey, S., & Trusty, J. (2007). Attitudes of .masters-level counseling students toward gay men and lesbians. *Counseling & Values*, 52, 12-24.
- Sapora Sipon. (2008). *Keperluan agama dalam kaunseling*. Prosiding persidangan kaunseling Universiti Malaya. Anjuran Jabatan Psikologi Pendidikan dan kaunseling.
- Siti Hajar Jamal. (2020). *Meneroka Kompetensi Kaunselor Dalam Pengendalian Kaunseling Gay dan lesbian*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sue, D. W., Arredondo, P., & McDavis, R. J. (1992). Multicultural counseling competencies and standards: A call to the profession. *Journal of Counseling and Development*, 20(2), . 64- 89.
- Sodowsky, G. R., Taffe, R. C., Gutkin, T. B., & Wise, S. L. (1994). Development. of the Multicultural Counseling Inventory: A self-report measure of multicultural competencies. *Journal of Counseling Psychology*, 41, 137-148.
- Walker, J. A., & Prince, T. (2010). Training considerations and suggested counselling interventions for LGBT individuals. *Journal of LGBT Issues in Counseling*, 4, 2–17.
- Welfel, E. R. (2016). *Ethics in counseling and psychotherapy: Standards, research and emerging issues*. 6th edition. Boston, MA. Cengage Learning.
- Yin, R.K. (2014). *Case study research: Design and methods*. 5th. Edition. Thousand Oaks, California: SAGE Publications Inc.
- Yin, R.K. (2015). *Qualitative research from start to finish*. 2nd Edition. New York: The Guilford Press.